

A stylized illustration of a woman with long, dark hair, looking slightly to the right. She is holding a black female symbol (♀) in her right hand. The background is a textured, light pinkish-red color.

KEHIDUPAN BEBAS DARI KEGANASAN

WAO

panduan bantu diri

© Hakcipta Terpelihara Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) Malaysia
Edisi pertama 1987
Edisi kedua 2002

ISBN: 983-40325-3-6

Diterbitkan oleh:
Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)
P.O. Box 493, Jalan Sultan, 46760 Petaling Jaya, Malaysia
Tel: +(603) 7956-3488
Faks: +(603) 7956-3237
E-mel: wao@po.jaring.my
Laman Web: www.wao.org.my

Ditulis oleh Sulin Chee

Diselaraskan dan dikonsepsikan oleh Ivy Josiah
Disunting oleh Tan beng hui dan Jaclyn Kee
Sumbangan dari Shoba Ajar, Jessie Ang, Nazlina Abd. Ghani, Zahura Abd. Aziz, Ivy Josiah,
Lee Shook Fong dan Rozana Isa
Diterjemah oleh Nazlina Abd. Ghani dan Lee Shook Fong
Grafik dan rekabentuk muka hadapan oleh Jaclyn Kee
Rekabentuk penyusunan oleh Angela M. Kuga Thus (E-mel: PearlMist1702@yahoo.co.uk)

Dicetak oleh: Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd.
No. 7, Jalan Rajawali 1A, Bandar Puchong Jaya
Batu 8, Jalan Puchong
47100 Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +(603) 8075 6912
Faks: +(603) 80704189



Dibiayai Oleh Kedutaan Amerika Syarikat
Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)

Semasa menjalinkan hubungan sebagai pasangan, suami Sheila kadang-kadang hilang kesabaran dan melemparkan kata-kata kesat terhadapnya. Sheila beranggapan keadaan ini akan reda setelah berkahwin ataupun setelah kelahiran anak pertama. Sebaliknya, ungkapan-ungkapan seperti "Engkau tidak berguna" menjadi semakin ketara. Suaminya mula memukulnya disebabkan oleh perkara-perkara remeh seperti pulang lambat dari kerja, membiarkan hidangan makan malam menjadi sejuk... Ada kala dengan topi keledar. Ada kala dengan penumbuknya. Suaminya juga mula menghalangnya daripada berjumpa dengan keluarga dan rakan-rakan supaya mereka tidak mengetahui apa sebenarnya yang berlaku. Sheila buntu, tidak tahu apa yang perlu dilakukan atau pada siapa harus dia mengadu. Hari demi hari kehidupannya dihantui ketakutan di dalam rumahnya sendiri.

Kisah Sheila merupakan di antara ribuan kes yang berlaku. Setiap hari, di sebalik kehidupan harian, wanita dipukul, ditumbuk, disepak terajang, dicekik, dipaksa melakukan hubungan seks, dancam atau disiksa oleh suami atau teman lelaki. Lebih kurang 40% wanita di Malaysia mengalami kegarasan rumahtangga atau penderaan pasangan dalam kehidupan mereka.¹ Dalam tahun 2005 sahaja, sebanyak 3,093 kes dilaporkan kepada pihak polis.² Jika anda adalah salah seorang daripada wanita tersebut, buku ini akan memberi maklumat tentang pertolongan yang boleh diperolehi dan tindakan yang boleh diambil.

¹ Penyelidikan SIM, 1990. Penyelidikan Bank Dunia 1994 di 35 negara yang menganggarkan secara global, julat angka ini dari 25 ke 90 peratus.

² Statistik dari Ibu Pejabat Bukit Aman, 2005

JADUAL KANDUNGAN

KEGASANAN RIMAHTANGGA	1
ADALAH TIDAK BENAR JIKA...	3
SIAPA YANG BOLEH BANTU	4
PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA	4
UNDANG-UNDANG	4
MEMBUAT KEPUTUSAN	6
JANGAN BIARKAN DIA PERUL ANDA LAGI	7
DI HOSPITAL	9
MEMBUAT LAPORAN POLIS	11
MENCARI TEMPAT YANG SELAMAT	13
JABATAN KEBajikan MASYARAKAT	14
MENDAPATKAN PERLINDUNGAN (PERINTAH PERLINDUNGAN SEMENTARA)	14
DI MAHKAMAH	16
PERCERAHAN DAN PERPISAHAN	18
(JIKA ANDA ISLAM) JENIS-JENIS PERCERAHAN	18
(JIKA ANDA PENGANUT AGAMA LAIN) JENIS-JENIS PERCERAHAN ATAU PERPISAHAN	19
HAK PENJAGAAN ANAK DAN NAIKAH	22
BAGAIMANA MENYARA ANAK?	22
BOLEHKAH ANDA MENDAPAT BANTUAN KEWANGAN DARIPADA SUAMI?	23
KE ARAH KEBEBASAN KEWANGAN	24
TALIAN BANTUAN	25

Adakah suami atau teman lelaki anda menunjukkan perangai yang sebenarnya? Adakah dia kejam dan bersifat mendera? Adakah pernah dia membuat anda rasa tidak berguna? Adakah anda tinggal dalam ketakutan di rumah sendiri? Adakah dia berjanji untuk berubah namun kembali semula mendera? Berulang-ulang kali?

Lazimnya, selepas berlaku kejadian dera, pendera akan kembali ke satu tahap di mana dia merasa bersalah lantas meminta maaf dari pasangannya. Dia juga menjadi lebih penyayang dan mengambil berat. Dalam situasi sebegini, wanita tersebut percaya bahawa dia akan berubah. Walau bagaimanapun, tahap bahagia ini tidak akan berkekalan. Ketegangan akan wujud semula dalam hubungan tersebut dan kejadian penderaan akan berlaku semula.

Situasi di atas dikenali sebagai **kitaran keganasan** yang wujud di dalam hubungan penderaan. Keganasan digunakan oleh pendera untuk mengawal isteri atau teman wanitanya. Adalah penting untuk memahami bahawa kitaran keganasan ini akan berterusan kecuali jika pendera itu mengakui bahawa perbuatannya tidak betul dan berusaha nekad untuk berubah. Ramai wanita memberi peluang dengan harapan suami akan berubah. Namun kajian menunjukkan bahawa ia jarang berlaku. Hakikatnya, selepas kali pertama, penderaan akan terus berlaku malahan semakin teruk.

Anda tidak perlu menganggap keganasan sebagai sebahagian daripada kehidupan. Leraikan kitaran keganasan dan mintalah pertolongan. Dua pertiga daripada mangsa keganasan rumahtangga yang pernah mendapat bantuan dari Pertubuhan Pertolongan Wanita telah berjaya mengubah kehidupan mereka. Anda juga boleh.



“Dulu saya ingat tidak boleh atasi situasi ini. Namun hari ini saya telah buktikan.”

GAMBAR RAJAH 1: Kitaran Keganasan



Jika anda terus sanggup didera semata-mata demi kepentingan anak-anak, fikirkanlah ini: Kebanyakan anak-anak akan lebih menderita sekiranya mereka terus tinggal dalam persekitaran ganas berbanding dengan keluarga di mana ibu bapa berpisah. Penyelidikan menunjukkan bahawa anak-anak yang datang dari keluarga yang mengalami situasi penderaan mungkin akan membesar sebagai pendera atau menerima keganasan sebagai sesuatu yang biasa.



Walaupun keganasan rumahtangga meliputi penderaan lisan, psikologikal, kewangan dan sosial, panduan ini memberi tumpuan pada keganasan fizikal yang telah diiktiraf oleh Akta Keganasan Rumahtangga 1994. Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang bentuk keganasan rumahtangga yang lain, hubungilah Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO).

"Saya mengharapkan agar ibu menyedari kesengsaraan yang telah ayah lakukan terhadap ibu dan keluarga kita. Kenapa ayah selalu marah, manakala ibu pula senantiasa bersabar?"

- Surat daripada kanak-kanak pendera kepada ibu mereka di dalam bengkel kaunseling keganasan rumah tangga.

ADALAH TIDAK BENAR JIKA . . .

❖ "Ia adalah untuk kepentingan anda"

Kajian menunjukkan suami mendera isteri bagi tujuan menakutkannya dan mengawalinya.

❖ "Keluarga yang tidak bahagia adalah lebih baik daripada keluarga berpecah belah."

Anak yang mempunyai ayah bersifat pendera seterusnya akan menerima perbuatan ganas sebagai sebahagian daripada kehidupan normal. Di samping mengalami keretakan emosi, mereka juga sering mengalami kesukaran menyesuaikan diri di sekolah, tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan fikiran berkecamuk.

❖ "Alkohol, dadah dan perjudian adalah faktor penyebab keganasan rumahtangga"

Penderaan isteri berlaku apabila suami menggunakan keganasan untuk mengawal pasangannya. Alkohol, dadah dan perjudian bukanlah faktor penyebab berlakunya keganasan rumahtangga, walaupun kadang-kala ini dianggap sebagai faktor pencetus. Faktor-faktor pencetus ini sering digunakan sebagai alasan untuk lelaki bertindak ganas. Pada masa yang sama, faktor ini merupakan cara yang mudah untuk wanita mempercayai bahawa suami atau teman lelaki tidak mungkin mendera mereka sekiranya bukan kerana alkohol, dadah atau perjudian.

❖ "Saya mesti tidak menunaikan tanggungjawab dengan sempurna untuk membahagiakannya"

Tiada apapun yang anda lakukan memberi hak kepada suami anda untuk menggunakan keganasan terhadap anda.

❖ "Hanya lelaki miskin dan tidak berpelajaran yang mendera isteri"

Lelaki yang mendera isteri atau pasangan masing-masing berasal dari pelbagai latar belakang sosial, ekonomi dan pendidikan.

❖ "Suami mempunyai hak untuk melakukan apa sahaja terhadap isteri"

Ikatan perkahwinan tidak memberi seseorang hak untuk bertindak ganas terhadap pasangannya.

❖ "Tiada sesiapa harus campur tangan dalam masalah rumahtangga"

Keganasan oleh seorang terhadap seorang yang lain bukanlah suatu urusan peribadi keluarga tetapi adalah suatu jenayah. Masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan jenayah tidak berlaku.

SIAPA YANG BOLEH BANTU

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA

Jika anda buntu dari masalah, anda boleh bermula dengan menghubungi seseorang pertubuhan wanita. Hanya angkat dan dial telefon, anda akan dapat bercakap dengan pekerja-pekerja khidmat sosial yang bersimpati yang akan memberi informasi dan kaunseling kepada anda. Ini bermula dari maklumat tentang kaunseling kepada anda dan suami, langkah-langkah yang perlu diambil jika anda ingin meninggalkannya, mendapatkan perlindungan atau menghubungi hospital, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mahkamah. Hakikatnya, anda tidak kesecorangan.

UNDANG-UNDANG

Keganasan rumahtangga bukan suatu masalah dalaman keluarga. Di Malaysia, Akta Keganasan Rumahtangga, 1994, yang boleh digunakan oleh **semua orang dalam Malaysia**, mengiktirafkan keganasan rumahtangga sebagai suatu jenayah.

Di bawah undang-undang keluarga Islam, terdapat peruntukan tentang penganiayaan terhadap isteri. Suami boleh di hukum denda, penjara atau perceraian oleh isteri.

"Hai orang-orang yang beriman, tiada dibalalkan bagimu mempusakai perempuan dengan paksaan dan janganlah bertindak kejam terhadap mereka,.. sebaliknya bergaullah dengan mereka secara berbaik-baik lagi adil."

– Al Quran 4:19

Akta Keganasan Rumahtangga 1994 mengatakan bahawa jika *suami, bekas suami, ibu bapa atau mana-mana ahli dalam keluarga*:

- ☛ Memukul sehingga mengakibatkan kecederaan fizikal;
- ☛ Memaksa anda untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang mendatangkan rasa ketakutan;
- ☛ Mengurung anda tanpa kerelaan diri; atau

❖ Memaksa dan melakukan hubungan seks yang mendatangkan ketakutan

Anda boleh:

- ↳ Menghalang dia daripada terus mendera anda
- ↳ Menghukum dia di atas apa yang telah dilakukan atau
- ↳ Menggunakan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 sebagai suatu elemen yang boleh menyokong permohonan anda di masa depan berkaitan perceraian, hak penjagaan anak atau pertukaran sekolah anak anda.



Akta Keganasan Rumahtangga dan kebanyakan nasihat berikutan boleh digunakan terhadap kes-kes penderaan yang dilakukan oleh mana-mana ahli dalam keluarga. Walau bagaimanapun, dalam muka surat berikutnya, kami merujuk kepada suami yang bersifat pendera sebagai contoh yang paling ketara dalam keganasan rumah tangga.





Terdapat nombor talian bantuan yang boleh dihubungi di halaman belakang (mukasurat 25–28).

Sekarang anda telah mengetahui bahawa terdapat pertolongan dan sokongan yang boleh diperolehi, jadi anda boleh membuat keputusan tentang apakah langkah-langkah seterusnya yang boleh diambil. Adakah anda memerlukan:

↳ **Kaunseling?** Anda boleh mendapatkan kaunseling perkahwinan di Jabatan Kebajikan Masyarakat atau di Jabatan Agama Islam (jika anda Islam). Jika anda rasa kaunseling gagal untuk mengubah keadaan, anda perlukan langkah yang lain.

↳ **Tinggal dalam rumah dan menyuruh suami keluar rumah?** Jika suami enggan keluar, anda mempunyai pilihan untuk membuat laporan polis dan mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara. Perintah Mahkamah ini akan menghalang suami daripada terus melakukan keganasan terhadap anda dan anak-anak.

↳ **Meninggalkan situasi penderaan?** Anda harus merancang ke mana anda dan anak-anak anda boleh pergi. Jika anda memerlukan nasihat dan sokongan moral, hubungi mana-mana pertubuhan wanita dan beritahu tentang situasi anda. Jika anda tidak mempunyai arah tuju, anda boleh mendapatkan perlindungan sementara di salah satu daripada pertubuhan wanita.



Bolehbab saya mendapatkan bantuan kaunseling untuk suami atau teman lelaki?

Anda boleh meminta pegawai kebajikan masyarakat berbuat demikian atau menghubungi pertubuhan wanita seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita untuk mendapatkan nombor telefon pakar-pakar terapi atau kaunselor.

JANGAN BIARKAN DIA PUKUL ANDA LAGI

Jika anda fikir suami akan mengulangi tindakan mendera, anda boleh merangka pelan kecemasan untuk menyelamatkan diri; untuk itu, anda harus mengambil kira perkara-perkara di bawah:

- ❖ **Jalan menyelamatkan diri.** Berada dalam bilik yang kurang atau tidak terdapat barang-barang yang boleh dijadikan senjata terhadap anda, dan di mana anda mudah untuk melarikan diri (contoh: melalui pintu atau tingkap).
- ❖ **Nombor telefon.** Hafalkan nombor-nombor balai polis yang berhampiran. Jika anda tidak dapat menggunakan telefon, usahakan agar anak atau jiran-jiran anda menghubungi polis seandainya mereka mendengar bunyi yang mencurigakan. Beritahu polis bahawa suami menyerang anda, serta beritahu nama dan alamat anda. Jika boleh, cuba kenalpasti di mana terdapat pondok telefon awam yang terdekat dan pastikan ia berfungsi; seandainya anda perlu menggunakannya setelah keluar dari rumah.
- ❖ **Dompot.** Pastikan dompot anda sentiasa berada di tempat yang boleh dicapai dengan mudah apabila diperlukan. Pastikan kad ATM, kad kredit, duit, lesen memandu dan kunci ada di dalamnya, juga kad telefon dan duit syiling untuk memudahkan anda membuat panggilan telefon.
- ❖ **Beg 'larikan diri'.** Ini bagi memastikan segala keperluan ada apabila anda keluar dari rumah. Simpan beg tersebut di tempat yang selamat seperti di rumah ibu bapa, jiran atau kawan anda. Beg itu seharusnya mengandungi:
 - ✓ Pakaian anda dan anak-anak
 - ✓ Nombor telefon (polis, talian bantuan, rakan-rakan, rumah perlindungan) dan buku alamat
 - ✓ Dokumen dan surat-surat penting (kad pengenalan, paspot, surat beranak anda dan anak-anak, surat pendaftaran kereta, rekod sekolah dan perubatan, perjanjian sewa/jual beli, surat pemilikan rumah, buku bayaran gadai, dokumen insuran)
 - ✓ Sijil perkahwinan, surat hak penjagaan, gambar atau apa-apa bukti tentang kecederaan anda (contoh: surat ancaman atau pesanan telefon, baju koyak)

- ✓ Buku cek, buku akaun bank dan nombor akaun, kunci kotak simpanan deposit
- ✓ Ubat-ubatan, nama ubat, insuran kesihatan
- ✓ Mainan kegunaan anak, buku-buku sekolah

Jangan bimbang, jika anda tidak tahu di mana sesetengah dokumen ini berada atau tidak sempat mengambilnya. Anda boleh membuat permohonan untuk mendapatkan yang baru kemudian. Untuk bantuan dan nasihat tentang perkara ini, hubungilah pertubuhan wanita.

Cuba bawa anak anda bersama apabila meninggalkan rumah. Ini kerana ia akan membantu anda untuk mendapatkan hak penjagaan terhadap mereka nanti. Jika anda bimbang dan takut suami akan mencari anda di tempat persembunyian dan mengganggu anda lagi, buatlah laporan polis dan dapatkan Perintah Perlindungan Sementara.



Jika anda seorang Islam, anda dinasihatkan supaya membuat laporan polis dan memberitahu Jabatan Agama Islam bahawa anda terpaksa keluar rumah akibat penderaan oleh suami. Ini untuk mengelakkan suami menuduh anda *nusyuz*¹ (melawan atau menentang arahan suami).



Apa yang boleh saya lakukan jika suami mengisytiharkan saya keluar dari rumah?

Anda boleh membuat laporan polis. Anda juga boleh tinggal sementara di mana-mana pusat perlindungan, dan dapatkan seorang pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk bercakap dengan suami.

¹ Keadaan-keadaan *nusyuz* berbeza dari negeri ke negeri. Mengikut Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Akta 1984, keadaan di mana seseorang *nusyuz* adalah:

- a) apabila enggan meneruskan hubungan dengan suami
- b) apabila meninggalkan rumah suami tanpa keizinannya, atau
- c) apabila enggan berpindah dengan suami ke rumah atau tempat yang lain tanpa sebab yang munasabah mengikut Hukum Syara'

DI HOSPITAL

Jika anda memerlukan rawatan perubatan serta-merta, segeralah ke mana-mana klinik atau sebaik-baiknya hospital kerajaan. Kakitangan di sana telah dilatih untuk merawat mangsa keganasan rumahtangga oleh suami. Setibanya di hospital kerajaan, pergilah ke Jabatan Kemalangan dan Kecemasan. Maklumkan bahawa anda adalah mangsa keganasan rumahtangga. Seorang pegawai hospital akan membawa anda ke Pusat Khidmat Bersepadu [One Stop Crisis Centre (OSCC)] di mana doktor akan merawat anda di sana. Anda tidak perlu beralur untuk mendapatkan nombor.

*"Saya terjatuh dari
langga..."*

Para doktor biasanya telah dilatih untuk merawat mangsa keganasan rumahtangga. Doktor akan merawat anda di dalam sebuah bilik khas, jadi anda tidak perlu berasa malu atau segan. Bukti-bukti kecederaan umpama lebam, luka dan cakaran akan dimasukkan di dalam laporan perubatan. **Simpan kad pendaftaran anda dengan baik kerana anda memerlukannya untuk mendapatkan laporan perubatan nanti.**

Semasa waktu pejabat, anda boleh berjumpa dengan pegawai kebajikan perubatan untuk bantuan dan sokongan moral. Jika anda tiba selepas pukul 4 petang, pihak OSCC akan mengaturkan pertemuan dengan pegawai tersebut pada keesokan harinya. Anda juga boleh meminta kawan-kawan atau saudara mara menjadi saksi tambahan terhadap kecederaan yang dialami. Jika anda tidak mahu pulang ke rumah lagi, mintalah untuk bermalam di OSCC atau mana-mana rumah perlindungan. Pegawai kebajikan perubatan boleh menolong anda dalam soal ini.

Di OSCC, seorang pegawai polis akan mengambil laporan anda. Jika anda tidak berupaya untuk membuat laporan ketika itu, anda boleh




Pusat Khidmat Bersepadu (OSCC) merupakan salah satu perkhidmatan di hospital kerajaan khususnya untuk membantu mangsa keganasan rumahtangga, rogol atau serangan seksual.

pergi ke balai polis terdekat di mana kejadian berlaku untuk membuat laporan sebaik sahaja anda selesai mendapat rawatan perubatan.

Kemudian jika anda memutuskan untuk membawa kes ini ke mahkamah, anda boleh memohon untuk mendapatkan laporan perubatan dari hospital berkenaan sebagai bukti di mahkamah. Anda juga boleh meminta pegawai penyiasat polis (IO) untuk mendapatkan laporan perubatan untuk anda.



keemasan



MEMBUAT LAPORAN POLIS

Untuk membolehkan undang-undang membantu, anda perlu membuat laporan polis. Jika polis mempunyai bukti yang cukup untuk mendakwa suami anda, kes ini akan dibawa ke mahkamah. Ini tidak bermakna bahawa suami anda akan dihukum tetapi ini menyampaikan mesej yang jelas bahawa anda tidak boleh bertolak ansur dengannya lagi. Laporan polis ini juga boleh digunakan sebagai bukti dalam permohonan cerai dan hak penjagaan anak nanti.

Anda boleh membuat laporan polis pada **bila-bila masa** selepas penderaan, tetapi lebih cepat anda melaporkannya adalah lebih baik kerana peluang untuk polis mengambil tindakan lebih tinggi.

Perlu diketahui bahawa gambar yang menunjukkan kecederaan anda boleh digunakan sebagai bukti jika anda ingin bawakan kes ini ke mahkamah. Selepas laporan polis dibuat, seorang pegawai penyiasat akan menyoal anda secara terperinci.

Apa yang perlu ditulis dalam laporan polis?

- Bila penderaan berlaku
- Siapa yang melakukan penderaan
- Tempat berlaku penderaan
- Apa digunakan untuk penderaan, jika ada. Nyatakan bagaimana dia mencedera anda.
- Penderaan sebelum ini
- Tujuan buat laporan polis (contoh "Saya inginkan perlindungan" atau "Saya mahu tindakan diambil ke atas suami saya")
- Perintah Perlindungan Sementara (nyatakan dalam laporan polis bahawa anda inginkan Perintah Perlindungan Sementara)
- Bilangan laporan yang telah dibuat



Anda tidak perlu menulis dalam laporan polis bahawa anda inginkan perceraian dan penjagaan anak-anak, kerana kesemua ini bukanlah perkara jenayah. Hanya isikan maklumat tentang keganasan.

Catatkan nama dan nombor telefon pegawai penyiasat anda. Ini berguna apabila anda ingin menambah apa-apa maklumat penting dalam kenyataan bertulis anda. Selepas beberapa hari, hubungilah pegawai penyiasat anda untuk mengetahui status siasatan kes.



Jangan tinggalkan balai polis sebelum anda mendapat satu salinan laporan polis dan resit rasmi yang mengandungi nombor laporan. Anda perlu membayar RM2 untuk mendapatkan salinan laporan polis yang telah disahkan (dicop rasmi oleh pihak polis).



Apa yang harus dilakukan jika polis tidak bekerjasama dan enggan mengambil laporan?

Anda boleh menghubungi/bercakap dengan pegawai atasannya dengan segera. Selain itu, anda juga boleh membuat aduan di ibu pejabat polis Bukit Aman. Jangan lupa untuk mencatatkan nama pegawai polis terbabit.



MENCARI TEMPAT YANG SELAMAT

Langkah seterusnya adalah mencari tempat selamat yang membolehkan anda berfikir tindakan yang berikutnya. Sekiranya anda keluar rumah sehelai sepinggang, dapatkan bantuan pihak polis untuk mendapatkan barang-barang kepunyaan anda sebelum anda ke tempat yang selamat.

Sekiranya **kawan-kawan atau saudara-mara** tidak dapat menyediakan tempat selamat untuk anda berlindung, anda dan anak-anak boleh pergi ke mana-mana **rumah perlindungan** yang disediakan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita ataupun bermalam di **wad hospital** (labatan Kemalangan dan Kecemasan) berdekatan.

Kebanyakan rumah perlindungan menyediakan makan dan tempat penginapan secara percuma. Anda juga mungkin boleh berkongsi pengalaman dengan wanita lain yang turut mengalami keganasan rumahtangga. Apabila berada di sana, anda boleh rehat di samping berfikir apakah tindakan selanjutnya yang boleh diambil.



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Anda juga boleh mendapatkan bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mereka boleh membantu anda mendapatkan:

- Perintah Perlindungan Sementara
- Kaunseling Perkahwinan; atau
- Bantuan kebajikan untuk anda dan anak-anak (jika anda tidak mempunyai sebarang pendapatan, anda boleh memohon bantuan ini sebaik sahaja anda berpisah dengan suami).

MENDAPATKAN PERLINDUNGAN (PERINTAH PERLINDUNGAN SEMENTARA)

Cara mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara:

1. Pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berdekatan.
2. Bawa bersama salinan laporan polis yang telah disahkan dan surat rujukan daripada pegawai penyiasat.
3. Pegawai kebajikan masyarakat akan mendaftarkan kes anda dan membuka fail.
4. Pegawai kebajikan masyarakat akan membuat temujanji dengan Majistret bagi mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara.
5. Pegawai kebajikan masyarakat akan membawa anda berjumpa dengan Majistret. Beliau akan meminta anda menceritakan semula apa yang berlaku dan rancangan masa depan anda.
6. Satu salinan Perintah Perlindungan Sementara akan dihantar kepada pegawai penyiasat di mana kejadian penderaan berlaku.
7. Pegawai penyiasat akan menyerahkan satu salinan Perintah Perlindungan Sementara kepada suami.
8. Anda juga akan diberikan satu salinan Perintah Perlindungan.




Perintah Perlindungan Sementara merupakan suatu perintah mahkamah yang melarang suami daripada melakukan keganasan terhadap anda dan/atau anak-anak. Ini untuk memastikan keselamatan anda semasa penyiasatan dijalankan oleh polis.



Jika anda Islam, anda juga harus memaklumkan Jabatan Agama bahawa anda terpaksa meninggalkan rumah kerana didera dan sertakan salinan laporan polis untuk rujukan mereka.

**HAPUSKAN
KEGANASAN
RUMAHTANGGA**

untuk bantuan: sila hubungi:
- pejabat kebajikan
- perlabuhan peralangan
wanita
- pejabat polis



PEGAWAI KEBAJIKAN

Selepas siasatan selesai dijalankan oleh polis, suami anda mungkin akan didakwa. Jika dia didakwa, anda akan diserahkan sekeping sapina (suatu perintah mahkamah meminta anda hadir sebagai saksi) berwarna biru. Sekiranya perlu, anda boleh memohon untuk jurubahasa ketika perbicaraan dijalankan.

Jika anda tukar fikiran:

Jika anda memutuskan untuk tidak meneruskan dakwaan terhadap suami, anda boleh menarik balik laporan. Maklumkan kepada pegawai penyiasat anda sebelum proses perbicaraan bermula.



Perlu diingatkan bahawa jika anda menarik balik laporan polis, Perintah Perlindungan Sementara (IPO) turut terbatal.

Gantirugi/ Pampasan:

Anda juga berhak untuk mendapatkan gantirugi. Jika dia mempunyai keupayaan kewangan, anda boleh mendapatkan gantirugi di atas kesengsaraan fizikal, mental dan kehilangan barangan yang diakibatkan olehnya. Ini termasuklah bayaran perubatan, gaji yang tidak diperolehi disebabkan ketidakmampuan anda bekerja kerana didera, serta kos penempatan semula anda dan anak-anak. Untuk tujuan ini, anda mesti menyerahkan senarai perbelanjaan berkaitan kepada Majistret. Beliau akan menentukan berapakah jumlah yang perlu dibayar.

Perlindungan daripada terus didera:

Apabila suami anda dituduh mengakibatkan kecederaan, anda boleh meminta bantuan pegawai kebajikan masyarakat atau pegawai pendakwaraya untuk mendapatkan Perintah Perlindungan dari Majistret. Ini untuk memastikan agar suami tidak:

- Mencederakan anda secara berterusan;
- Mengupah orang lain untuk mencederakan anda;
- Datang ke rumah anda, tempat kerja dan sekolah anak-anak.

ia juga:

- ☛ Tidak membenarkan suami membuat perhubungan bertulis atau telefon dengan anda.
- ☛ Kelaarkan dia dari rumah supaya anda boleh pindah balik ke rumah itu bersama dengan anak-anak. Ini bergantung sama ada anda boleh membuktikan bahawa anda tidak mempunyai tempat tinggal lain (contoh: rumah saudara atau kawan-kawan, rumah perlindungan atau rumah kebajikan).



Perintah Perlindungan Sementara hanyalah berbentuk sementara sahaja, dan hanya sah semasa siasatan polis.

Perintah Perlindungan adalah berkuatkuasa selama tempoh tidak lebih daripada 12 bulan. Perintah Perlindungan boleh:

- dibaharui sekiranya suami melanggar perintah tersebut atau
- dilanjutkan sekiranya mahkamah mendapati bahawa anda masih memerlukan perlindungan.

GAMBAR RAJAH 2: Carta Aliran Pilihan untuk Mangsa-Survivor



Jika anda bercadang untuk mendapatkan hak penjagaan anak, nafkah atau perceraian, anda harus melantik seorang peguam.

JIKA ANDA ISLAM - JENIS-JENIS PERCERAIAN

1) *Cerai Takliq*

Jika anda boleh membuktikan melalui saksi atau angkat sumpah bahawa suami telah melanggar kontrak perkahwinan (*takliq*) seperti tidak memberi nafkah, meninggalkan atau mencederakan anda, anda boleh memohon cerai *takliq* dari Mahkamah Syariah di negeri masing-masing.

2) *Fasakh*

Jika anda boleh mengemukakan salah satu daripada keadaan-keadaan berikut, anda layak untuk memohon *cerai fasakh* (pembubaran perkahwinan atas arahan mahkamah) di Mahkamah Syariah di negeri masing-masing.

- Suami melayan anda dengan zalim [Contoh: memukul secara berterusan, menjadikan hidup anda tak tentu arah, menjerumuskan anda ke kanchah pelacuran, menghalang anda daripada menunaikan kewajipan agama, tidak adil dalam perkongsian harta, tidak berlaku adil terhadap isteri-isteri (jika suami beristeri lebih daripada satu)];
- Suami tidak memberi nafkah sekurang-kurangnya selama 3 bulan;
- Suami dipenjarakan melebihi 3 tahun atau lebih;
- Suami meninggalkan rumah tanpa sebarang khabar berita sekurang-kurangnya satu tahun;
- Suami mati pucuk atau menolak untuk melakukan hubungan seks sekurang-kurangnya empat bulan selepas perkahwinan atau sekurang-kurangnya satu tahun;
- Suami disahkan tidak siaman sekurang-kurangnya selama dua tahun;



Jika anda tidak mempunyai peguam atau tidak berkemampuan untuk berbuat demikian, anda boleh memohon bantuan dari Pusat Bantuan Guaman atau Biro Bantuan Guaman Kerajaan.

- ☛ Suami anda menderita akibat penyakit kusta, vitiligo atau penyakit kelamin;
- ☛ Persetujuan anda kepada perkahwinan adalah secara paksa, suatu kesilapan atau tidak waras;
- ☛ Anda sejak perkahwinan mempunyai penyakit mental yang menghalang anda daripada menyempurnakan tanggungjawab rumah tangga.

3) Cara Tebus Talag

Anda boleh memohon cerai *khulu'* atau *tebus talag* (penebusan cerai) di Mahkamah Syariah di negeri masing-masing. Ia boleh dilakukan jika suami dan anda bersetuju untuk bercerai, dan anda mesti membayar sejumlah wang kepada suami seperti yang dipersetujui bersama atau mengikut nilai yang telah ditetapkan oleh Kadi⁴.

Untuk ketiga-tiga jenis perceraian di atas, anak anda berhak untuk mendapatkan nafkah atau pembiayaan daripada ayah mereka sehingga ke peringkat universiti.

Jika suami melafazkan *talag* atau anda memohon *cerai fasakh*, anda berhak mendapatkan bayaran *muta'ah* (gantirugi/pampasan) dalam jumlah tertentu yang dipersetujui/ditentukan oleh mahkamah sebelum meneruskan sebarang tuntutan di Mahkamah Syariah. Sebaiknya anda merujuk kepada Jabatan Agama Islam terdekat atau Pusat Bantuan Guaman atau mana-mana peguam Syariah tentang prosedur mahkamah di negeri masing-masing. Ini kerana di sesetengah negeri seperti Kelantan, Kedah, Perak dan Pahang, penderaan tidak termasuk dalam *cerai fasakh*.

JIKA ANDA PENGANUT AGAMA LAIN - JENIS-JENIS PERCERAIAN ATAU PERPISAHAN

1) Persetujuan Bercerai

Jika suami anda bersetuju untuk bercerai, anda boleh memohon cerai di atas persetujuan bersama. Anda boleh meminta peguam anda menfailkan "petisyen bersama" di mahkamah. Ini akan memakan masa di antara 3 hingga 6 bulan.

⁴ Ini ditentukan berdasarkan status dan kemampuan.

2) Perceraian atas dasar keruntuhan rumahtangga

Sebaliknya, jika anda telah berkahwin sekurang-kurangnya selama dua tahun dan boleh membuktikan situasi-situasi seterusnya, maka anda boleh memohon "perceraian atas keruntuhan rumahtangga";

- Anda tidak boleh bertolak ansur lagi terhadap perangnya yang tidak munasabah (Contoh: berzina atau mendera anda);
- Suami meninggalkan anda sekurang-kurangnya dua tahun;
- Suami tidak tinggal bersama anda sekurang-kurangnya dua tahun;
- Suami anda telah memeluk agama Islam.

Jika tempoh perkahwinan anda kurang dari dua tahun, anda juga boleh membuat permohonan asalkan anda dapat membuktikan bahawa perkahwinan anda menyebabkan anda "menderita dan sengsara".

Selepas membuat permohonan perceraian, anda akan melalui sekurang-kurangnya satu perbincangan mahkamah. Di peringkat pertama perceraian, mahkamah akan mengisytiharkan "dekri nisi". Tiga bulan selepas itu dekri nisi ini akan diisytiharkan sebagai "dekri absolute" di mana perceraian adalah sah dan muktamad. Anda hanya boleh berkahwin semula setelah "dekri nisi" dijadikan "dekri absolute".

3) Perpisahan

Jika anda tidak pasti sama ada ingin bercerai atau tidak, anda boleh memohon untuk perpisahan kehakiman. Tanya sama dengan perceraian kecuali jika anda ingin berkahwin lain, anda harus memohon "dekri nisi menjadi absolute" dari mahkamah. Anda juga boleh meminta peguam merangka satu surat perjanjian perpisahan berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak.



Apa akan berlaku jika suami enggan bercerai?

Anda berhak untuk memfailkan perceraian di mahkamah walaupun suami tak setuju. Mahkamah yang akan menentukan anda layak bercerai atau tidak, dan bukannya suami.

Untuk penganut Islam dan penganut agama lain:

Walaupun suami enggan bercerai, anda tetap berhak memohon dengan melalui proses kaunseling di

- (untuk Muslim) Unit Kaunseling, Jabatan Agama Islam Negeri; atau



Jika anda khawatir suami akan menjual atau memindahkan harta ke atas nama orang lain sebelum proses perbincaraan bermula, anda boleh memohon untuk suatu perintah daripada Jabatan Tanah untuk "mengkaveatkan harta" tersebut melalui peguam atau sendiri.

• (untuk penganut agama lain) Tribunal Perkahwinan di Jabatan Pendaftaran

Anda kemudian dikehendaki menghadiri temujanji dengan "sidang pendamai" di mana mereka akan memanggil anda dan suami untuk berbincang. Kedua-dua suami dan anda akan dikehendaki menghadiri tiga sesi dalam jangkamasa enam bulan. Dalam tempoh itu, mereka akan membuat keputusan sama ada perkahwinan itu boleh diselamatkan atau tidak.

Jika ia tidak dapat diselamatkan, sidang pendamai tersebut akan mengeluarkan satu sijil perpisahan (bayaran RM20). Anda hanya perlu mendapatkan peguam selepas memperolehi sijil ini. Jika anda penganut Islam, selepas proses perbincaraan selesai, dan hakim mendapati perkahwinan itu tidak mampu diselamatkan, suami dikehendaki melafazkan *talak* di hadapan Mahkamah Syariah.

Apabila anda bercerai...

Jika anda dan suami sama-sama menyumbang dalam pengumpulan harta, mahkamah akan memutuskan apa saja harta yang ada dibahagi sama rata. Walau bagaimanapun jika anda tidak memberi sebarang sumbangan kewangan, dan walaupun anda telah meninggalkan rumah, anda masih akan diberi bahagian yang tertentu, cuma mungkin hanya kurang dari bahagian suami.



HAK PENJAGAAN ANAK DAN NAFKAH

BOLEHKAN ANDA DAPATKAN HAK PENJAGAAN ANAK-ANAK?

Jika anak anda berumur di bawah 7 tahun, mahkamah biasanya akan memberi hak penjagaan kepada anda iaitu membenarkan dia tinggal bersama anda. Tetapi dengan syarat anda boleh membuktikan kepada mahkamah bahawa anda mampu menjaganya. Jika anak berusia lebih daripada 7 tahun, keputusan akan dibuat berdasarkan kepentingan dan masa depan anak terbabit. Bagi orang Islam ia akan diputuskan di Mahkamah Syariah dan bagi penganut agama lain di Mahkamah Sivil. Antara kriteria lain yang akan diambil kira adalah corak hidup anda dengan suami, dan sama ada anda mampu menyanggi dan menjamin keselamatan anak itu.

Lagipun, mahkamah jarang memisahkan anak daripada ibu bapa dan sebagai ibu anda lebih berpeluang untuk mendapatkan hak penjagaan anak-anak.

Sekiranya suami mendapat hak penjagaan, anda masih layak untuk memohon hak lawatan. Untuk itu, anda perlu memberitahu peguam untuk mendapatkan perintah **hak lawatan** di mahkamah.

Jika perkahwinan anda tidak didaftarkan, anda lebih berhak untuk mendapatkan hak jagaan tanpa mengambilkira umur anak tersebut.



Jika suami "menculik" anak sebelum hak penjagaan anak ditentukan, apa yang boleh saya lakukan?

Jika anda berfikir keselamatan anak terancam setelah diculik oleh ayahnya, anda boleh memohon perintah *ex-parte* (perintah daripada mahkamah tanpa memerlukan kehadiran suami). Jika anda bimbang suami akan melarikan anak semasa tempoh lawatan, anda boleh memohon supaya lawatan tersebut adalah di bawah pengawasan, diiringi oleh pegawai penguatkuasa.

BAGAIMANA MENYARA ANAK?

Apabila anda mendapat hak penjagaan, anda berhak memohon untuk nafkah anak. Ini bermakna suami perlu memberi wang kepada anak itu untuk perbelanjaan. Jika anda bukan Islam, anda juga layak untuk mendapatkan nafkah anak walaupun anda tidak berkahwin secara sah, dengan syarat anda boleh membuktikan bahawa dia adalah ayah kepada anak tersebut.

Jumlah nafkah yang akan diperolehi bergantung kepada kedua-dua pendapatan anda dan suami. Berapa lama perlu tunggu-antara sebulan hingga setahun, bergantung kepada persetujuan suami terhadap permintaan anda.

Walaupun bagaimanapun, adalah dinasihatkan supaya anda dapat mencari pekerjaan (jika tidak bekerja), sekiranya suami mungkir atau lewat membuat bayaran.

BOLEHKAH ANDA MENDAPAT BANTUAN KEWANGAN DARIPADA SUAMI?

Anda juga boleh mendapatkan nafkah untuk diri sendiri jika

- ☛ Perkahwinan anda didaftarkan atau
- ☛ Perkahwinan secara tradisional atau keagamaan (Contoh: Perkahwinan di kuil, upacara minum teh, dan sebagainya) sebelum Mac 1982.

Nafkah ini berakhir jika anda berkahwin lain.

"Semasa tinggal bersama suami, saya perlu mengbantarkan anak sama ada ke rumah ibu saya, atau rumah bapa mertua. Di sini dan sana... merata-rata. Kini, sekurang-kurangnya saya boleh menjaga mereka dengan sendiri."

- Temubual mangsa keganasan rumahtangga yang telah bercerai.



Jika anda memerlukan lebih maklumat, nasihat atau penerangan, hubungilah kami di Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) di talian 03-79563488 atau e-mail kami di wao@po.jaring.my